

18/12/1997

4 pasar raya harga patut tulen

KUALA LUMPUR, Rabu - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna mengumumkan empat pasar raya - Giant, Extra, Makro dan Carrefour - sebagai antara yang benar-benar menjual barangan pada 'harga patut'.

Menterinya, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub, berkata pengumuman itu adalah serentak dengan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang meminta kementeriannya mengisytiharkan mana-mana pasar raya yang memberi manfaat kepada pengguna sebagai 'pasar raya harga patut'.

Menurutnya, mulai dari sekarang kementeriannya akan memberi publisiti kepada pasar raya yang layak diberi pengiktirafan berkenaan, bagi membolehkan ia menjadi pilihan pengguna.

"Sehubungan ini, bahagian Penguatkuasa Perdagangan peringkat pusat, negeri dan daerah diarah supaya mengkaji prestasi semua pasar raya dan jika mereka benar-benar memanfaatkan pengguna, kita akan berikan pengiktirafan yang sama," katanya.

Di samping itu, Megat Junid berkata kabinet juga memberi kelulusan kepada pengilang susu untuk membeli olein minyak sawit pada harga yang sama seperti yang diluluskan kepada pengilang minyak masak.

Menurutnya, kelulusan itu adalah penting kerana pengilang susu manis, yang menggunakan 48,000 tan olein, juga perlu menikmati harga yang sama seperti yang dibayar oleh pengeluar minyak masak, yang memerlukan 300,000 tan olein setahun.

Ketika mengulas laporan akhbar mengenai kegagalan rundingan pembelian gula antara Malaysia dengan Fiji, beliau berkata Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri memaklumkan kepadanya bahawa disebabkan harga gula mentah Fiji beberapa sen lebih mahal bagi setiap paun, maka Malaysia akan membeli bahan berkenaan dari Australia.

(END)